

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

13. Difahamkan amalan situasi kini adalah Pejabat Daerah terpaksa bergantung kepada kelulusan peruntukan Wakil Rakyat untuk penganjuran majlis rasmi jabatan.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memberi elaun keraian kepada semua Pejabat Daerah untuk penganjuran majlis rasmi yang melibatkan orang awam dan geran khas untuk membiayai aktiviti PUSPANITA daerah dan Kelab Sukan Pejabat Daerah?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

13. Kerajaan Negeri sememangnya menyalurkan peruntukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengadakan majlis-majlis rasmi jabatan, program-program kemasyarakatan, program sosial, kebudayaan dan pembangunan masyarakat.

Kerajaan Negeri juga ada menyediakan peruntukan khas yang boleh dimohon oleh Kelab Kebajikan dan Sukan di semua Jabatan Negeri untuk melaksanakan aktiviti sosial, sukan dan kebajikan bagi ahlinya. Peruntukan khas tersebut adalah dalam bentuk sumbangan asas dan *matching grant* seperti berikut:

- (a) Sumbangan Asas

Sumbangan asas sebanyak RM10.00 seorang ahli setahun.

- (b) *Matching Grant*

Matching Grant bagi setiap ringgit yuran bulanan yang dibayar oleh ahli maksimum RM20.00 setiap ahli setahun.

Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan sebanyak RM50,000.00 setahun untuk PUSPANITA peringkat Negeri untuk melaksanakan program dan aktiviti.

Permohonan peruntukan Yang Berhormat bagi pelaksanaan aktiviti mereka adalah sebagai sumber kewangan tambahan serta untuk melaksanakan program tersebut dengan berskala besar.